

06/04/2001

Dr M setuju muzakarah Dr Ismail, Hadi

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik kesediaan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim untuk mengadakan muzakarah dengan Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang berkaitan `Amanat Haji Hadi`.

Perdana Menteri berkata, muzakarah itu penting kerana Majlis Fatwa Kebangsaan berpendapat amanat yang dikeluarkan sejak 20 tahun lalu itu mengelirukan orang Islam.

"Ada baiknya bagi mereka bermuzakarah kerana daripada fatwa yang dikeluarkan Majlis Raja-Raja dulu, satu daripada perkara atau bukti kekeliruan ialah berkenaan Amanat Haji Hadi.

"Jadi majlis fatwa berpendapat amanat ini mengelirukan orang Islam berhubung siapa yang Islam, siapa yang tidak," katanya selepas mengadakan lawatan dan menemui kakitangan Kementerian Penerangan di Angkasapuri hari ini.

Kelmarin, Dr Ismail yang juga Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dilaporkan berkata, beliau bersedia mengadakan muzakarah dengan Menteri Besar Terengganu itu bila-bila masa untuk membincang isu Amanat Haji Hadi.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dilaporkan turut menyambut baik kesediaan Majlis Fatwa untuk bermuzakarah tetapi tidak mahu pembabitan Umno termasuk biro agamanya yang diketuai Penasihat Agama Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Dr Mahathir berkata, adalah lebih baik jika muzakarah itu dapat diadakan segera tanpa mengira tempat dan tidak semestikan di Ikim.

(END)